

## **LJT 6 Jld. 7/(63)**

**18 Oktober 2004**

Semua Juruukur Tanah Berlesen

### **PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BILANGAN 2/2004**

### **PENDEPOSITAN LAIN-LAIN CAJ DI BAWAH JADUAL 13 (PERATURAN 99) PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN, 1959**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan mengemaskan prosedur pendepositan bayaran ukur dengan Lembaga Jurukur Tanah (Lembaga) oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Jadual 13 (Peraturan 99) Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 menetapkan hanya caj di bawah Jadual I hingga XI sahaja yang perlu dideposit dengan Lembaga.
- 2.2 Walau bagaimanapun terdapat amalan oleh sesetengah pelanggan JTB yang mendeposit bayaran ukur dengan Lembaga dengan juga menyertakan caj yang dikenakan di bawah Jadual XII hingga Jadual XIV. Caj ini tidak disimpan oleh Lembaga malahan akan terus dibayar kepada JTB berkenaan.
- 2.3 Amalan mendeposit lain-lain caj yang terkandung dalam Jadual XII hingga Jadual XIV adalah menyalahi peraturan di samping ianya telah menimbulkan kekeliruan dan boleh memberi ruang kepada salahlaku.

### **3. PELAKSANAAN**

Dengan terbitnya Pekeliling ini JTB hendaklah menasihatkan pelanggan mereka untuk hanya mendepositkan dengan Lembaga caj yang dikenakan di bawah Jadual-Jadual I-XI beserta caj untuk cukai perkhidmatan, sekiranya ada. Lain-lain caj seharusnya di bayar terus oleh pelanggan kepada JTB tanpa perlu melalui Lembaga. Pemulangan apa-apa lebihan bayaran akan dibuat melalui cek hanya atas nama pelanggan terbabit.

### **4. PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada tarikh pengeluarannya



**(DATO' HAMID BIN ALI)**

***Pengerusi***

Lembaga Jurukur Tanah  
Semenanjung Malaysia.